



## SIARAN MEDIA

### ***INTAN Public Policy Ministerial Forum Series 2014***

---

Kuala Lumpur, 25 Februari 2014 - Selari dengan hasrat kerajaan untuk merekayasa perkhidmatan awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam mengambil inisiatif menganjurkan *Public Policy Ministerial Forum Series 2014* sebagai salah satu cetusan aktiviti transformasi melalui penganjuran seminar, kursus dan forum berimpak tinggi dalam memperkasakan peranannya dan tidak lagi terbatas dalam memberikan latihan kepada penjawat awam semata-mata. Matlamat program ini adalah sebagai platform perbincangan bagi perkongsian perspektif dan pengalaman di antara peringkat Yang Berhormat Menteri dengan penjawat awam dan kumpulan berkepentingan (stakeholders).

Sebagai pembuka tirai 2014, **YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** dijemput sebagai speaker pada hari ini dengan tajuk "***Community Development and Malaysia as a Developed Nation by 2020: Are we Heading There?***" Forum ini di harap dapat menyuntik prospek baharu dalam proses dasar awam dan seterusnya memberikan impak yang

positif dalam mneggubal serta melaksana dasar yang berkesan agar sampai ke golongan sasar.

Program ini yang telah dimulakan sejak bulan Disember 2013 antaranya telah menjemput YB Puan Hajah Nancy Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai speaker jemputan sebelum ini. Adalah dijangkakan pada tahun 2014 ini sebanyak 10 siri berkaitan *Public Policy Ministerial Forum Series* akan dilaksanakan oleh INTAN dan antara speaker yang dijangka akan turut serta dalam forum ini adalah YB Senator Datuk Paul Low Sang Kuan, YB Datuk Wahid Omar, YB Datuk Nazri Aziz dan ramai lagi yang bakal diadakan pada setiap bulan.

Turut hadir bersama dalam forum tersebut, YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) dan YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah 1NTAN.

Dianggarkan seramai 150 orang hadir dalam forum tersebut yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dari pelbagai kementerian, jabatan atau agensi kerajaan. Forum ini adalah sin pertama dalam tahun 2014 yang dianjurkan oleh INTAN.

###

Disediakan oleh:

Unit Korporat dan Antarabangsa  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Tel: 03 2084 7205  
Emel: [melinda@intanbk.intan.my](mailto:melinda@intanbk.intan.my)

25 Februari 2014